



Prof. Dr. Chusak Limsakul

"KUKUM berada di atas platform yang terbaik"

"You kena cepat Azizi kalau nak 'interview' sebab dia akan ke Pulau Pinang pulak selepas ini. I tunggu you kat lobi Hotel Putra Palace," kata Aizawati, Penolong Pendaftar Akademik bila dihubungi untuk menguruskan sesi temuramah eksklusif antara KUKUM dan rombongan dari Prince of Songkla University (PSU).

'Hi, nice to meet you'. Dia menyapa dan mengulur tangan sebaik sahaja diperkenalkan. Tanda hormat walau budaya mereka lebih selesa merapatkan dua telapak tangan dan dimaju ke paras mulut. Kepala sedikit ditundukkan. Saya sudah dapat menelah. Dia mahu menyesuaikan diri serta menghormati budaya Malaysia; resam kita bertemu tetamu atau sahabat. Berkaca mata, bertubuh sedikit kurus dan berkulit kuning langsung. Andai dikata dia lelaki kaum Tionghua di negara ini pasti ramai yang bersetuju.

Kami terus ke Bendang Coffee House untuk sesi wawancara kerana mahu lari dari 'kebisingan' tetamu yang ada di lobi. Pengalaman mengajar saya untuk memastikan tetamu yang ditemuramah harus selesa, santai dan bersahaja. Bukan tertekan atau hingar kerana perbualan akan terbatasi dan lantunan idea terbangkang.

Mujur juga ada bantuan Dr. Ram Yamsaengsung, Dekan Bersekutu Hubungan Antarabangsa PSU yang fasih berbahasa Inggeris, pekat dengan telo Amerikanya. Saya akur dan menghormati Profesor Chusak Limsakul, Dekan Fakulti Kejuruteraan, ketua rombongan PSU. Dia punya masalah bertutur di dalam bahasa komunikasi dunia tersebut. Norma bagi bangsa Thai yang 100% akar umbi bahasa dan tulisan punya jatidiri tersendiri. Mungkin saja mereka tidak pernah diajajah oleh sebarang kuasa asing. Salut!

Sebaik sahaja diterangkan tujuan temuramah tersebut, wajahnya manis berbunga. Soalan demi soalan diajukan. Dia tenang malah begitu yakin membalas. Saya kagum dengan sikap rendah dirinya tetapi tegas sepanjang sesi temuramah tersebut. Renungkan sejenak temubual selanjutnya bagi melihat sejauh mana pendapat dan pandangan ikhlas beliau terhadap KUKUM.

MyKukum: Boleh terangkan serba

sedikit latar belakang Prof.?

Prof. Chusak Limsakul: Saya dilahirkan di Satun iaitu wilayah yang bersempadan dengan Malaysia. Ijazah pertama saya dari Institut Teknologi King Mongkut, Bangkok. Saya kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di Minca, Tolouse, Perancis dan mempunyai 25 tahun pengalaman sebagai pensyarah.

M: Pendapat Prof. secara peribadi tentang bidang kejuruteraan itu sendiri?

PCL: Saya berpendapat bidang kejuruteraan ialah sains aplikasi. Banyak teknologi dan inovasi dihasilkan oleh kejuruteraan itu sendiri.

M: Kepentingan bidang kejuruteraan dalam ketamadunan manusia?

PCL: Kejuruteraan sangat penting untuk pembangunan. Sebagai contoh jalanraya dan elektrik. Untuk pembangunan kemudahan tersebut inovasi dalam bidang kejuruteraan itu amat penting bagi masa depan tamadun manusia sejagat.

M: Apakah bentuk dilema bidang kejuruteraan di Thailand?

PCL: Saya tidak tahu situasi di Malaysia tetapi di Thailand kami menghadapi masalah pelajar kurang berminat untuk memilih bidang kejuruteraan sebagai kursus pengajian pilihan.

M: Kenapa?

PCL: Mereka merasakan kursus kejuruteraan sangat sukar dan perlu menyelesaikan banyak tugas sepanjang tempoh pengajian. Mereka lebih cenderung memilih jurusan pentadbiran kerana dianggap lebih mudah dan senang lulus. Mereka hanya berminat di dalam bidang pengajian yang dirasakan mudah atau senang sahaja.

M: Lantaran masalah tersebut apakah ini bermaksud Thailand menghadapi masalah kekurangan jurutera?

PCL: Ya

M: Bagaimana cara untuk mengatasi masalah tersebut?

PCL: Di Thailand kami terpaksa melipatgandakan usaha promosi dengan cara melakukan kunjungan dan pameran ke Sekolah-sekolah Tinggi dan seterusnya menerangkan kepada para pelajar secara mendalam tentang bidang kejuruteraan.

M: PSU dikatakan cukup terkenal di dalam bidang kursus kejuruteraan. Adakah ia benar dan jika ya apakah keunikan PSU?

PCL: Di negara Thailand kursus kejuruteraan adalah sama sahaja di mana-mana universiti tetapi bagi PSU kami adalah universiti yang tertua sekali di selatan tanahair. Justeru itu PSU menjadi universiti tumpuan di wilayah sebelah sini. Keunikan Fakulti Kejuruteraan PSU mungkin disebabkan kami menawarkan pakej kemahiran seperti pembelajaran perisian komputer, subjek bahasa Inggeris dan sebagainya untuk menarik minat para pelajar mengikuti kursus tersebut.

M: Berapa jumlah bilangan pelajar kejuruteraan PSU untuk setiap sesi baru pengambilan?

PCL: Dari 2200 orang pelajar baru yang mendaftar cuma kira-kira 650 orang pelajar sahaja yang akan terpilih untuk memasuki Fakulti Kejuruteraan.

M: Berbalik kepada persoalan KUKUM, apakah langkah yang perlu dilakukan dalam mengapai impian menjadi universiti yang terbaik?

PCL: Secara peribadi saya melihat KUKUM berada di atas platform yang terbaik kerana struktur akademiknya memberi penekanan lebih kepada latihan praktikal berbanding universiti konvensional yang lain seperti kami. Ini disokong pula dengan segala kemudahan dan prasarana makmal yang begitu canggih. Keunikan ini memberi kelebihan kepada para pelajar untuk menjalani latihan praktikal tanpa perlu merasa kekok dan sebagainya. Jadi pastikan anda semua sentiasa berada di atas platform tersebut.

M: Apa pendapat Prof. yang mengatakan ramai pelajar kejuruteraan lemah dalam subjek matematik?

PCL: Masalah tersebut adalah perkara biasa. Kami di PSU juga menghadapi masalah yang sama iaitu lemah dalam subjek matematik serta fizik. Di Fakulti Kejuruteraan PSU, kami akan mengadakan sesi tuisyen untuk penambahbaikan dalam subjek tersebut bagi pelajar-pelajar yang lemah dalam subjek berkenaan. Saya difahamkan pelajar KUKUM juga turut menghadapi masalah yang sama. Selain dari itu masalah yang begitu ketara di kalangan pelajar di Thailand

atau mungkin juga di KUKUM ini iaitu dalam subjek bahasa Inggeris. Di PSU kerana bahasa pengantar yang digunakan ialah bahasa Thai jadi bahasa Inggeris begitu asing kepada para pelajar. Masalah di PSU ini juga berpunca dari kebanyakan pelajar yang cemerlang di peringkat sekolah tinggi kebanyakannya ingin melanjutkan pelajaran di universiti-universiti terbaik di Bangkok bukan di Hatyai.

M: Kunjungan ke KUKUM pasti membawa visi dan harapan. Apakah hasrat tersebut?

PCL: Saya amat berharap PSU dan KUKUM dapat menjalin hubungan kerjasama. Sebagai contoh program pertukaran pelajar. KUKUM boleh menghantar pelajar ke PSU dan sebaliknya untuk beberapa kursus dan kelengkapan memindah beberapa jam kredit. Dalam penyelidikan pula kita mungkin boleh menjalankan penyelidikan bersama. Ia sudah menjadi amalan biasa bagi PSU menjalankan penyelidikan bersama dengan universiti-universiti luar seperti dari negara-negara Asean, Australia, Denmark, Jepun, New Zealand, China dan sebagainya. Kita juga boleh mewujudkan satu jawatan 'Visiting Professor' antara kedua-dua universiti. Saya amat mengalu-alukan para pensyarah dari KUKUM ke PSU untuk menjalankan sebarang penyelidikan dalam apa jua bidang kejuruteraan yang mereka inginkan.

M: Mungkin ada nasihat atau amanat yang Prof. ingin sampaikan kepada mahasiswa/i KUKUM?

PCL: Belajar harus secara konsisten. Andai bergelagraduan kelak itu tidak bermakna anda boleh menjadi jurutera yang terbaik. Bukan sedikit usaha yang perlu dilakukan. Untuk menjadi jurutera yang terbaik anda harus mempunyai pengetahuan asas yang mantap dalam bidang kejuruteraan itu sendiri. Kedua, anda harus menguasai kemahiran berkomunikasi dan kemahiran menyelesaikan sesuatu masalah. Mahirkan diri juga dengan kemahiran perisian komputer. Ada satu perkara lagi yang sangat penting yang harus ada dalam diri setiap pelajar...iaitu 'kerja keras'.

Oleh : Azizi Mohd Yusof